

Universiti Melaka — UNIMEL —

UNIVERSITI MELAKA
BATU 28, KUALA SUNGAI BARU
78200 MELAKA

JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa kepada mereka yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan-jawatan berikut:

JAWATAN DAN SYARAT-SYARAT LANTIKAN:

Jawatan Akademik :

- ❖ PENSYARAH GRED DS51 (PENGURUSAN)
- ❖ PENSYARAH GRED DS51 (KEPIMPINAN & PENGURUSAN PENDIDIKAN)
- ❖ PENSYARAH GRED DG41 (PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK)
- ❖ PENSYARAH GRED DG41 (BAHASA INGGERIS)
- ❖ PENSYARAH GRED DG41 (USULUDDIN)
- ❖ PENSYARAH GRED DG41 (TAHFIZ AL-QURAN & WAL QIRAAT)
- ❖ PENSYARAH GRED DG41 (BIDANG SYARIAH – FIQH & USUL)
- ❖ PENSYARAH GRED DG41 (BIDANG SYARIAH & UNDANG-UNDANG)
- ❖ PENSYARAH GRED DG41 (BIDANG SYARIAH - MUAMALAT)

Jawatan Pentadbiran :

- ❖ PEMBANTU TADBIR GRED N19
- ❖ PEMBANTU OPERASI GRED N11
- ❖ PENGAWAL KESELAMATAN GRED KP11
- ❖ PEMANDU KENDERAAN GRED H11

Taraf Jawatan: Kontrak

- ▶ Terdiri daripada warganegara Malaysia;
- ▶ Berumur 18 tahun ke atas ;

•PENSYARAH (DS 51)

Syarat Lantikan:

- i. Membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang istimewa mutunya; dan
- ii. Mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang berkenaan.
- iii. Ijazah doktor falsafah (Ph.D) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya ; atau
- iv. Ijazah Sarjana (Masters) di dalam bidang yang berkaitan dari universiti-universiti tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
- v. Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

•PENSYARAH (DG 41)

Syarat Lantikan:

- i. Ijazah Sarjana (Masters) di dalam bidang yang berkaitan dari universiti-universiti tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau
- ii. Ijazah Sarjana Muda di dalam bidang yang berkaitan dari universiti-universiti tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; dan
- iii. Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- iv. **Keutamaan akan diberikan kepada calon yang memiliki kelayakan Ijazah Sarjana (Masters) di dalam bidang yang berkaitan.**

•PEMBANTU TADBIR (N19)

Syarat Lantikan:

- i. Memperoleh sekurang – kurangnya Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau
- ii. Sijil Pelajaran Malaysia (Vokasional) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; serta
- iii. Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang

•PEMBANTU OPERASI (N11)

Syarat Lantikan:

- i. Memperoleh sekurang – kurangnya Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. dan memiliki lesen memandu Kelas B2/B/D/E2/E1/E yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) ;
- ii. Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga / Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan

•PENGAWAL KESELAMATAN (KP11)

Syarat Lantikan:

- i. Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- ii. Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau
- iii. Bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel Polis Sokongan atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik.

•PEMANDU KENDERAAN (H11)

Syarat Lantikan:

- i. Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
- i. Keupujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
- ii. Lesen memandu Kelas D/E/E1/E2/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), keutamaan akan diberikan kepada calon yang mempunyai lesen (PSV) bas; dan
- iii. Berkebolehan memandu, mengendalikan dan menyenggara kenderaan.

CARA MEMOHON

- a) Permohonan hendaklah dihantar melalui e-mel: perjawatan@unimel.edu.my dan disertakan bersama **salinan yang diakui sah** :
 - i. Borang rasmi yang boleh didapati melalui laman web Universiti Melaka www.unimel.edu.my
 - ii. *Resume* / butir-butir peribadi dan salinan kad pengenalan pemohon .
 - iii. Salinan kelayakan Ijazah Doktor Falsafah / Ijazah Sarjana / Ijazah Sarjana Muda SPM, STPM, Diploma dan dokumen yang berkaitan.
 - iv. Sijil – sijil / dokumen yang berkaitan.
 - v. Slip gaji 3 bulan terkini (sekiranya ada).
- b) Tarikh tutup permohonan jawatan adalah sebelum / pada **30 JUN 2022 (KHAMIS)**. Sila tuliskan nama jawatan yang dipohon beserta nama pemohon di bahagian subjek e-mel mengikut tatacara berikut:

Subjek : Pensyarah (DS51) (Nama bidang yang dipohon) _ Nama Pemohon

Contoh : Pensyarah (DS51) (**Pengurusan**) _ Nama Pemohon

/

Subjek : Pensyarah (DG 41) (Nama bidang yang dipohon) _ Nama Pemohon

Contoh : Pensyarah (DG 41) (**Pendidikan Awal Kanak-Kanak**) _ Nama Pemohon

/

Subjek : Pembantu Tadbir (N19) _ Nama Pemohon

/

Subjek : Pembantu Operasi (N11) _ Nama Pemohon

/
Subjek : Pengawal Keselamatan (KP11) _ Nama Pemohon

/
Subjek : Pemandu (H11) _ Nama Pemohon

PERKARA AM

- Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga dan permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- Pihak UNIMEL tidak akan menanggung sebarang kos yang dikeluarkan untuk menghadiri temuduga ini.